

# Muslim Mustapa Ketua PIBG SMK Pantai Sesi 2026/2027



**Labuan, 18 April** – Encik Muslim Mustapa telah dipilih sebagai Yang DiPertua PIBG SMK Pantai yang baharu dalam Mesyuarat Agung PIBG SMK Pantai Kali Ke 24 yang berlangsung pagi tadi. Pelantikan ini adalah untuk tempoh dua tahun iaitu 2026/2027.

Mesyuarat Agung kali ini dirasmikan oleh Encik Ismail bin Abdullah, Pengetua SMK Pantai merangkap Penasihat PIBG SMK Pantai.

Dalam ucapan beliau, Encik Ismail menjelaskan beberapa perkara penting kepada para hadirin iaitu Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035 yang memberi fokus kepada 7 Teras Strategik RPM, Matlamat RPM dan Sasaran Wajib Capai RPM, keputusan SPM 2025, isu kehadiran murid serta pencapaian-pencapaian murid sepanjang tahun 2025.

Beliau mengharapkan ibu bapa akan terus memberi sokongan kepada sekolah terutamanya daripada aspek kehadiran supaya anak-anak akan mendapat pendidikan yang sewajarnya

dalam tempoh persekolahan mereka.

Encik Muslim Mustapa dalam ucapan penangguhan mesyuarat menyatakan penghargaan atas peluang yang diberikan untuk memimpin PIBG SMK Pantai. Beliau menganggap pelantikan ini sebagai amanah dan tanggungjawab besar yang perlu dipikul dan berjanji untuk mengusahakan yang terbaik demi kejayaan anak-anak di SMK Pantai.

Mesyuarat yang dihadiri 300 orang ibu bapa dan guru itu juga diserikan dengan acara cabutan bertuah hasil sumbangan ibu bapa, guru-guru serta pihak luar yang mempunyai hubungan sinergi dengan pihak sekolah.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Puan Wan Azmona binti Wan Mohamed (PK Pentadbiran), Encik Wilter Jonathan Ebang (PK Hal Ehwal Murid), Encik Samsul bin Mandisin (PK Kokurikulum) dan Puan Nurul Hidayah binti Abdul Rahim (PK Pendidikan Khas).

Berikut adalah senarai AJK PIBG yang dipilih pagi tadi.

#### **YANG DIPERTUA**

En. Muslim bin Mustapa

#### **NAIB YANG DIPERTUA**

Pn. Anita binti Tinguan

**Setiausaha** – Pn Siti Nur Khadizah Kamsani

**Penolong Setiausaha** – Cik Azizah Ligaspi

**Bendahari** – Cik Nur Khairunnisa Romainoor

**Penolong Bendahari** – Cik Nur Syazwani Simsudin

**AJK IBU BAPA / KSIB**

1. En Sufian Suhaili
2. Pn Nurul Caroline Fong
3. Pn Rasyidah bt Daud
4. Pn Mawar Nurdin
5. Pn Malaya Mandau
6. Pn Norainah bt Sabudin
7. En Airol Azmi bin Abd Gani

**AJK GURU** – En. Fildaus Martin

**Juru Audit Dalaman** – Pn Ismawane Ismail

**Berita Oleh : SMK Pantai**



Encik Muslim Bersama Pengetua



Pengetua menyampaikan hadiah cabutan bertuah

--	--